

**MODUL INTERVENSI GABUNGAN PENDEKATAN KAUNSELING ISLAM  
DAN KAUNSELING ADLER BAGI MENANGANI RESILIEN REMAJA**  
**SALAH LAKU**

**NORFATMAZURA BINTI CHE WIL**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah

Fakulti Teknologi dan Informatik Razak  
Universiti Teknologi Malaysia

**MEI 2022**

## **DEDIKASI**

Tesis ini didedikasikan kepada:-

Istimewa buat keluarga tersayang;  
*Ibu tercinta Puan Hajah Che Patimah binti Muhamad  
Abang, Che Azhar bin Che Wil dan Mohd Nazri bin Che Wil  
Kakak, Che Kamariah binti Che Wil, Norma binti Che Wil, Noreha binti Che  
Wil, Che Roshani binti Che Wil, Noorazila binti Che Wil  
Abang Ipar dan Kakak Ipar serta anak-anak saudara yang dikasihi.  
Terima kasih di atas doa, pengorbanan dan sokongan yang diberikan*

Khas buat insan yang di kenang;  
*Prof Madya Datin Dr Nooraini binti Othman di atas segala ilmu, tunjuk ajar,  
sokongan dan dorongan.*

Tidak dilupakan buat;  
*Sahabat dan rakan-rakan yang sentiasa membantu terutamanya Rusyda,  
Haslina, Zati Hulwani, Ainul Nadzifah dan Shahril*

Segala jasa kalian akan dikenang hingga akhir hayat. Semoga Allah merahmati dan membala segala kebaikan kalian berlipat ganda.

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirahmanirahim. Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Allah SWT Yang Maha Berkuasa, Maha Pemurah dan Maha Pengasih serta selawat dan salam kepada junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat, petunjuk dan kurnia-Nya akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang saya sangat kasih Prof Madya Datin Dr Nooraini binti Othman. Sesungguhnya bimbingan, tunjuk ajar dan ilmu yang diberikan kepada saya adalah sesuatu yang sangat berharga. Dorongan dan sokongan yang diberikan menjadi penggerak utama kepada saya menyiapkan tesis ini pada tempoh yang ditetapkan. Terima kasih kerana memberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk berada pada tahap ini dan ianya tidak terbalas. Semoga segala jasa baik prof akan dibalas dengan rahmat berlipat ganda dari Allah SWT.

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan terima kasih kepada ibu, abang, kakak, abang-abang ipar, kakak-kakak ipar dan anak-anak saudara yang sentiasa bersama susah dan senang. Terima kasih di atas semua pengorbanan, kesabaran, sokongan dan semangat yang diberikan sepanjang tempoh pengajian. Semoga semua dipermudahkan segala urusan dan diberikan kejayaan di dunia dan akhirat.

Terima kasih juga kepada sahabat dan rakan-rakan kerana sentiasa menjadi pendengar setia, berkongsi ilmu dan kepakaran untuk membantu saya menyiapkan tesis ini dengan baik.

Tidak dilupakan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi di atas geran penyelidikan yang diberikan dan kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia serta kakitangan Pusat Perdana yang banyak membantu mempermudahkan segala urusan saya.

## **ABSTRAK**

Peningkatan masalah sosial dan salah laku dalam kalangan remaja dari semasa ke semasa membuktikan isu resilien masih tidak dapat ditangani sepenuhnya. Kaedah intervensi sedia ada di lihat masih mempunyai limitasi dalam menangani isu ini. Melihat kepentingan menangani isu resilien dalam kalangan remaja salah laku, maka kajian ini bertujuan untuk membina modul intervensi yang melibatkan gabungan pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling Adler. Reka bentuk kajian ini adalah melibatkan kaedah campuran di mana kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan. Kaedah kualitatif adalah melibatkan temu bual separa struktur menerusi kaunseling kelompok manakala kaedah kuantitatif pula adalah melibatkan penggunaan set soal selidik. Modul ini yang dibina berdasarkan kaedah analisis kandungan terhadap sumber primer dan sekunder iaitu Al-Quran, As-Sunnah, Hadis dan sorotan literatur telah disahkan oleh pakar bidang yang dilantik bagi memastikan isi kandungan menepati matlamat pembinaan modul. Modul ini telah diuji ke atas 10 orang remaja salah laku di pusat pemulihan berumur 16 hingga 19 tahun yang mempunyai tahap kesihatan mental dan resilien yang rendah di mana ianya telah dikenal pasti melalui pentadbiran soal selidik DASS-21 dan CD-RISC-25. Kaedah persampelan yang digunakan adalah teknik persampelan bertujuan dengan ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Sebanyak lapan sesi kaunseling kelompok yang mengandungi lima peringkat intervensi telah dilaksanakan ke atas remaja salah laku. Ujian pra dan pasca bagi CD-RISC-25 telah dilakukan ke atas responden bertujuan melihat perubahan tahap resilien sebelum dan selepas perlaksanaan modul. Kaedah analisis tematik telah digunakan bagi data kualitatif dan *Wilcoxon Signed Rank Test* pula digunakan bagi menganalisis data kuantitatif. Dapatkan kajian menunjukkan konsep kaunseling Islam yang sesuai diaplikasikan adalah konsep ilmu dan amal yang meliputi elemen “ikhlas”, “tawakal” dan “fitrah” serta konsep kepercayaan dan keyakinan melibatkan rukun iman, rukun islam, ihsan serta “wasatiyyah”. Bagi kaunseling Adler pula konsep pengalaman lepas, minat sosial, gugusan keluarga, gaya kehidupan dan perasaan inferioriti boleh diaplikasikan bagi meningkatkan resilien remaja. Teknik-teknik kaunseling, kemahiran penerokaan, penerapan elemen-elemen islamik serta peranan kaunselor merupakan gabungan terbaik di antara pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling Adler dalam pembinaan modul ini. Hasil kajian turut menunjukkan modul intervensi memberi kesan terhadap tahap resilien remaja salah laku berdasarkan perubahan resilien sebelum dan selepas menjalani modul intervensi. Melihat kepada kemampuan modul ini menambah baik langkah menangani resilien, maka ianya relevan untuk diaplikasikan oleh para kaunselor serta pihak-pihak yang berkepentingan bagi menambahkan kemahiran dan kepakaran dalam menangani isu yang dihadapi oleh para klien terutamanya bagi menangani resilien remaja salah laku sebagai salah satu cara menangani isu kesihatan mental di Malaysia

## ABSTRACT

The increase in social problems and misconduct among adolescents from time to time proves resilience is an issue that has not been fully addressed and there are still limitations in the existing intervention methods. Noting the importance of addressing the issue of adolescent misconduct resilience in Malaysia, this study aims to build an intervention module that combines Islamic counselling and Adler counselling approaches. The design of this study involves mixed methods, where qualitative and quantitative methods are being used. The qualitative method involves semi-structured interviews through group counselling, while the quantitative method involves a survey using a set of questionnaires. This module, which is based on content analysis methods on primary and secondary sources, namely Al-Quran, As- Sunnah, Hadith, and literature highlights, have been validated by appointed field experts to ensure that the content meets the objectives of the module. This module was tested on 10 misbehaving adolescents in rehabilitation centres aged 16 to 19 years with low levels of mental health and resilience, where they were identified through the administration of the DASS-21 and CD-RISC-25 questionnaires. The sampling method used a purposive sampling technique with characteristics that have been set by the researcher. A total of eight group counselling sessions containing five levels of intervention were conducted on misbehaving adolescents. Pre and post-tests for CD-RISC-25 were performed on the respondents to see the change in the level of resilience before and after the implementation of the module. Thematic analysis method was used for qualitative data, and the Wilcoxon Signed Rank Test was used to analyze quantitative data. Findings of the study show that the concept of Islamic counselling that is suitable to be applied is the concept of knowledge and deeds which includes the elements of "sincerity", "trust" and "fitrah" as well as the concept of belief and confidence involving the pillars of faith, pillars of Islam, compassion and "wasatiyyah". For Adler's counselling, the concepts of experience, social interests, family clusters, lifestyle and feelings of inferiority can be applied to increase adolescent resilience. Counselling techniques, exploratory skills, application of Islamic elements, as well as the role of counsellors, are the best combination between the Islamic counselling approach and Adler counselling in the construction of this module. The results also show that the intervention module affects the level of resilience of adolescent misconduct based on the changes in resilience before and after undergoing the intervention module. Given that/Considering this module has the ability to improve measures to deal with resilience, it is relevant to be applied by counsellors and stakeholders to increase skills and expertise in dealing with issues faced by clients; especially in dealing with adolescent resilience, as one way of addressing mental health issues in Malaysia.

## SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xviii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xxx</b>
 <b>BAB 1 PENGENALAN</b>	 <b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.6.1 Institusi Kerajaan	16
1.6.2 Kaunselor	16
1.6.3 Ibu Bapa	17
1.6.4 Remaja	17
1.6.5 Bidang Pendidikan	18
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Kerangka Konsep	20
1.9 Kerangka Teoritikal	21
1.10 Definisi Konseptual dan Operasional	23
1.10.1 Remaja	24

1.10.2	Kaunseling Islam	24
1.10.3	Kaunseling Adler	25
1.10.4	Resilien	26
1.10.5	Modul Intervensi	27
1.10.6	Konsep	27
1.11	Kesimpulan	28
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>29</b>
2.1	Pendahuluan	29
2.2	Konsep Asas Kajian	30
2.2.1	Konsep Asas Perkhidmatan Kaunseling	30
2.2.2	Konsep Asas Kaunseling Islam	32
2.2.2.1	Konsep Fitrah	34
2.2.2.2	Konsep Jiwa, Akal, Hati dan Roh	35
2.2.2.3	Konsep Ilmu dan Amal	37
2.2.2.4	Konsep Sabar dan Bersyukur	38
2.2.2.5	Konsep Muhasabah	40
2.2.2.6	Konsep Penetapan Matlamat dan Motivasi	40
2.2.2.7	Konsep Kepercayaan dan Keyakinan	41
2.2.2.8	Kaunselor Sebagai <i>Role Model</i>	44
2.2.3	Konsep Asas Kaunseling Adler	46
2.2.3.1	Gaya Kehidupan	47
2.2.3.2	Gugusan Keluarga	48
2.2.3.3	Pengalaman Lepas	50
2.2.3.4	Minat Sosial	51
2.2.3.5	Inferioriti Kompleks atau Perasaan Rendah Diri	52
2.2.3.6	<i>Fictional Finalism</i>	53
2.2.4	Perbezaan Pendekatan Kaunseling Islam dan Kaunseling Konvensional	54
2.2.4.1	Kaunseling Islam dan Kaunseling Adler	57
2.2.4.2	Perbezaan Kaunseling Adler dan Kaunseling Konvensional Yang Lain	60

2.3	Pendekatan Teori	65
2.3.1	Teori Resilien Connor Davidson	65
2.3.1.1	Ketabahan dan Kecekapan Kendiri	66
2.3.1.2	Kepercayaan Terhadap Naluri dan Bertolak Ansur Dengan Pengaruh Negatif	66
2.3.1.3	Menerima Perubahan, Keselamatan dan Perhubungan	66
2.3.1.4	Kawalan	66
2.3.1.5	Spiritual	67
2.3.2	Pendekatan Kaunseling Islam	67
2.3.2.1	Al-Nafs	67
2.3.2.2	Al-Qalb	68
2.3.2.3	Al-Ruh	68
2.3.2.4	Al-Aql	68
2.3.3	Pendekatan Kaunseling Adler	71
2.3.3.1	Kaunseling Kelompok Adler	71
2.3.3.2	Teknik-Teknik Kaunseling Adler	75
2.4	Prinsip Asas Kaunseling	77
2.4.1	Penerimaan Tanpa Syarat	77
2.4.2	Ketulenan dan Kongruen	78
2.4.3	Empati	78
2.4.4	Kemahiran Mengendalikan Kaunseling Kelompok	79
2.4.4.1	Matlamat Kelompok Adler	80
2.4.4.2	Peranan Pemimpin	80
2.5	Model Pembinaan Modul	82
2.5.1	Model Pembinaan Modul Russell	82
2.5.2	Model Pembinaan Modul Sidek	84
2.6	Isu Resilien Dalam Kalangan Remaja Salah Laku	87
2.6.1	Remaja Salah Laku	87
2.6.1.1	Perubahan Fizikal	88
2.6.1.2	Perubahan Emosi dan Psikologikal	88

2.6.1.3	Pengaruh Ibu Bapa dan Keluarga	89
2.6.1.4	Pengaruh Rakan Sebaya dan Persekutaran	91
2.6.2	Resilien Dalam Kalangan Remaja Salah Laku	92
2.6.2.1	Sumber Resilien	93
2.7	Dasar dan Polisi	96
2.7.1	Dasar Kesihatan Remaja	96
2.7.2	Dasar Kesihatan Mental	99
2.8	Sorotan Kajian Lepas	103
2.8.1	Kajian Dalam Negara	103
2.8.2	Kajian Luar Negara	112
2.9	Jurang Kajian	117
2.9.1	Metodologi Kajian	117
2.9.2	Teori Atau Model Yang Mendasari Kajian	118
2.9.3	Fokus Kajian	119
2.9.4	Sampel Kajian	120
2.9.5	Jurang Modul	121
2.9.6	Jangkaan Hasil Kajian	122
2.10	Kesimpulan	122
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH METODOLOGI</b>	<b>123</b>
3.1	Pendahuluan	123
3.2	Reka Bentuk Kajian	124
3.2.1	Proses Kajian	125
3.3	Kaedah Persampelan	127
3.3.1	Lokasi Kajian	130
3.4	Instrumen Kajian	132
3.4.1	Ujian Saringan	132
3.4.1.1	Depression Anxiety Stress Scale (DASS-21)	133
3.4.1.2	Connor-Davidson Resilience Scale (CD-RISC-25)	134
3.4.2	Modul Intervensi	137
3.4.2.1	Kandungan Modul	137

3.4.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan	138
3.4.3.1	Kesahan	138
3.4.3.2	Kebolehpercayaan	139
3.4.4	Peranan Kaunselor	141
3.5	Kajian Rintis	142
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	143
3.6.1	Peringkat Proses Pengumpulan Data	143
3.6.2	Protokol Temu Bual	146
3.7	Prosedur Penganalisisan Data	148
3.7.1	Analisis Data Kualitatif	148
3.7.2	Analisis Data Kuantitatif	149
3.8	Kesimpulan	151
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>153</b>
4.1	Pendahuluan	153
4.2	Dapatan Kajian	153
4.2.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Konsep Kaunseling Islam Yang Bersesuaian Yang Boleh Diaplikasikan Bagi Meningkatkan Resilien Dalam Kalangan Remaja?	155
4.2.1.1	Tema Utama 1 (TU-1): Kejadian Manusia dan Kembali Kepada Fitrah	158
4.2.1.2	Tema Utama 2 (TU-2): Ikhlas Melakukan Sesuatu Kerana Allah SWT	159
4.2.1.3	Tema Utama 3 (TU-3): Tawakal Dan Menyerah Diri Kepada Allah	160
4.2.1.4	Tema Utama 4 (TU-4): Keimanan, Kepercayaan dan Keyakinan Terhadap Allah dan Kuasa-Nya	162
4.2.1.5	Tema Utama 5 (TU-5): Amalan Dan Ibadah Sebagai Tanda Ketaatan Dan Kepatuhan	166
4.2.1.6	Tema Utama 6 (TU-6): Percaya Terhadap Kewujudan Allah	167
4.2.1.7	Tema Utama 7 (TU-7): Bersederhana Serta Mencapai Keseimbangan Di Dunia Dan Akhirat	168

4.2.2	Persoalan Kajian 2: Apakah konsep kaunseling Adler yang boleh diaplikasikan terhadap remaja bagi meningkatkan tahap resilien?	170
4.2.2.1	Tema Utama 1 (TU-1): Gaya Kehidupan dan Pembentukan Personaliti	172
4.2.2.2	Tema Utama 2 (TU-2): Pengaruh Keluarga	173
4.2.2.3	Tema Utama 3 (TU-3): Ingatan Awal dan Pengalaman Lepas	176
4.2.2.4	Tema Utama 4 (TU-4): Membentuk Hubungan	178
4.2.2.5	Tema Utama 5 (TU-5): Perasaan Rendah Diri dan Persepsi Terhadap Diri Sendiri	180
4.2.3	Persoalan Kajian 3: Apakah gabungan terbaik di antara konsep kaunseling Islam dan konsep kaunseling Adler bagi meningkatkan tahap resilien?	182
4.2.3.1	Peringkat Intervensi 1 (PI-1): Terapeutik	183
4.2.3.2	Peringkat Intervensi 2 (PI-2): Analisis Penerokaan	185
4.2.3.3	Peringkat Intervensi 3 (PI-3): Kefahaman Kendiri & Celik Akal	189
4.2.4.4	Peringkat Intervensi 4 (PI-4): Orientasi Semula	195
4.2.1.5	Peringkat Intervensi 5 (PI-5): Penamatan	198
4.2.4	Persoalan Kajian 4: Adakah modul intervensi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi?	200
4.2.4.1	Kesahan Kandungan Modul	200
4.2.4.2	Kebolehpercayaan Modul	201
4.2.5	Persoalan Kajian 5: Adakah modul intervensi mempunyai kesan ke atas tahap resilien remaja?	203
4.2.5.1	Profil Demografi	204
4.2.5.2	Ujian Saringan	206
4.2.5.3	Ujian Pengesahan Modul	207
4.2.5.4	Ujian Pre dan Post	229
4.2.6	Persoalan Kajian 6: Adakah peranan kaunselor memberi kesan terhadap keberkesanan modul	

	intervensi?	231
4.3	Kesimpulan	234
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN PENUTUP</b>	<b>235</b>
5.1	Pendahuluan	235
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	235
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	237
5.3.1	Konsep Kaunseling Islam Yang Bersesuaian Dengan Terapi Al-Quran dan Hadis	237
5.3.1.1	Kategori 1: Konsep Ilmu dan Amal	237
5.3.1.2	Kategori 2: Konsep Keyakinan dan Kepercayaan	240
5.3.2	Konsep Berasaskan Pendekatan Kaunseling Adler	244
5.3.2.1	Kategori 1: Konsep Gaya Hidup	244
5.3.2.2	Kategori 2: Konsep Gugusan Keluarga	245
5.3.2.3	Kategori 3: Konsep Pengalaman Lepas	246
5.3.2.4	Kategori 4: Konsep Minat Sosial	247
5.3.2.5	Kategori 5: Konsep Perasaan Rendah Diri	248
5.3.3	Gabungan Yang Bersesuaian Antara Konsep Kaunseling Islam dan Konsep Kaunseling Adler Dalam Pembinaan Modul Intervensi	248
5.3.4	Kesahan Kandungan dan Keboleh[ercayaan Terhadap Modul Yang Di Bina	251
5.3.5	Kesan Modul Intervensi Dalam Meningkatkan Resilien Remaja	252
5.3.6	Peranan Kaunselor Terhadap Keberkesanan Modul Intervensi	256
5.4	Rumusan Keseluruhan Kajian	257
5.5	Implikasi, Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan	262
5.5.1	Implikasi Kajian	262
5.5.1.1	Pihak Kementerian/Kerajaan	262
5.5.1.2	Institusi Kerajaan atau Swasta	262

5.5.1.3	Kaunselor	263
5.5.1.4	Bidang Pendidikan	263
5.5.1.5	Ibu Bapa	264
5.5.1.6	Remaja	264
5.5.2	Limitasi Kajian	265
5.5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	266
5.5.4	Penutup	267
<b>RUJUKAN</b>		<b>269</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		<b>305</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>307</b>

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 2.1	Definisi Kaunseling Mengikut Tokoh	31
Jadual 2.2	Urutan Kelahiran Berdasarkan Teori Individu Adler	48
Jadual 2.3	Perbezaan Kaunseling Adler, Psikoanalisis dan Teori Realiti	60
Jadual 2.4	Teknik-Teknik Dalam Terapi Individu Adler	75
Jadual 3.1	Skor Depression Anxiety Stress Scale (DASS-21)	134
Jadual 3.2	Skor Connor-Davidson Resilience Scale (CD-RISC-25)	136
Jadual 3.3	Soalan Kesahan Pakar	139
Jadual 3.4	Soalan Ujian Peranan Kaunselor	142
Jadual 3.5	Jadual Pengumpulan Data	145
Jadual 3.6	Ringkasan Proses Pengumpulan Data Kualitatif dan Kuantitatif	146
Jadual 3.7	Ringkasan Kaedah Analisis	151
Jadual 4.1	Senarai Surah Dan Ayat Al-Quran Yang Dianalisis Secara Keseluruhan	155
Jadual 4.2	Tema Utama : Kejadian Manusia Dan Kembali Kepada Fitrah	158
Jadual 4.3	Tema Utama : Ikhlas Melakukan Sesuatu Kerana Allah SWT	159
Jadual 4.4	Tema Utama : Tawakal Dan Menyerah Diri Kepada Allah SWT	161
Jadual 4.5	Tema Utama : Keimanan, Kepercayaan dan Keyakinan Terhadap Allah dan Kuasa-Nya	163
Jadual 4.6	Tema Utama 5: Amalan Dan Ibadah Sebagai Tanda Ketaatan dan Kepatuhan	166
Jadual 4.7	Tema Utama 6: Percaya Terhadap Kewujudan Allah	167
Jadual 4.8	Bersederhana Serta Mencapai Keseimbangan Di Dunia dan Akhirat	169
Jadual 4.9	Tema Utama: Gaya Kehidupan dan Pembentukan Personaliti	172
Jadual 4.10	Tema Utama: Pengaruh Keluarga	173
Jadual 4.11	Tema Utama: Ingatan Awal dan Pengalaman Lepas	176
Jadual 4.12	Tema Utama: Minat Sosial	178
Jadual 4.13	Tema Utama: Perasaan Rendah Diri	181
Jadual 4.14	Peringkat Intervensi (PI-1): Terapeutik	184

Jadual 4.15	Peringkat Intervensi (PI-2): Analisis Penerokaan	186
Jadual 4.16	Peringkat Intervensi (PI-3): Kefahaman Kendiri & Celik Akal	190
Jadual 4.17	Peringkat Intervensi (PI-4): Orientasi Semula	196
Jadual 4.18	Peringkat Intervensi (PI-4): Penamatan	199
Jadual 4.19	Skor Kesahan Kandungan Modul Oleh Pakar	201
Jadual 4.20	Komen Pakar Terhadap Modul Intervensi	201
Jadual 4.21	Nilai Kebolehpercayaan Secara Keseluruhan	202
Jadual 4.22	Nilai kebolehpercayaan mengikut peringkat intervensi	203
Jadual 4.23	Profil Demografi Keseluruhan Responden	205
Jadual 4.24	Skor Depression Anxiety Stress Scale (DASS-21)	206
Jadual 4.25	Skor Connor-Davidson Resilience Scale (CD-RISC-25)	206
Jadual 4.26	Maklumat Responden Bagi Kaunseling Kelompok	207
Jadual 4.27	Faktor Gaya Hidup dan Personaliti Individu	208
Jadual 4.28	Faktor Ingatan Awal dan Pengalaman Lepas	210
Jadual 4.29	Faktor Keluarga Terhadap Individu	211
Jadual 4.30	Faktor Minat Sosial dan Perhubungan dengan Individu Lain	213
Jadual 4.31	Faktor Wujudnya Perasaan Rendah Diri	214
Jadual 4.32	Faktor Tawakal dan Penyerahan Diri Kepada Allah	216
Jadual 4.33	Faktor Yang Mendorong Untuk Melakukan Sesuatu Perkara Yang Memberi Kesan Negatif	218
Jadual 4.34	Faktor Kepercayaan Terhadap Perubahan	219
Jadual 4.35	Kesedaran Mengenai Kepentingan Mengawal Tingkah Laku dan Ilmu Pengetahuan	221
Jadual 4.36	Kesedaran Mengenai Kepentingan Kepercayaan dan Keyakinan Terhadap Allah	223
Jadual 4.37	Kesedaran Bagi Pembentukan dan Peningkatan Resilien	227
Jadual 4.38	Hasil Analisis Deskriptif	230
Jadual 4.39	Hasil Analisis Ujian Wilcoxon Signed Rank Test	230
Jadual 4.40	Analisis Tahap Perubahan Resilien Melalui Ujian Wilcoxon	231
Jadual 4.41	Hasil Dapatkan Analisis Soal Selidik Berkenaan Peranan Kaunselor	232
Jadual 4.42	Pandangan Responden Mengenai Peranan Kaunselor	233

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	21
Rajah 1.2	Kerangka Teoritikal Kajian	22
Rajah 2.1	Proses Terapi Kelompok Adler	72
Rajah 2.2	Model Pembinaan Modul Russell	83
Rajah 2.3	Proses Pembinaan Modul Menurut Model Sidek	85
Rajah 3.1	Proses kajian dari Model Pembinaan Modul Sidek	125
Rajah 3.2	Proses Analisis Dapatan Kajian	127
Rajah 3.3	Dimensi Items DASS-21	134
Rajah 3.4	Dimensi Items CD-RISC-25	136
Rajah 3.5	Dimensi Soalan Kebolehpercayaan Modul	141
Rajah 3.6	Fasa Pelaksanaan Sesi Kaunseling	147
Rajah 4.1	Hasil Analisis Kandungan Konsep Kaunseling Menerusi Atlas.ti	Islam 157
Rajah 4.2	Hasil Analisis Atlas.Ti Bagi Konsep Kaunseling Adler	171
Rajah 5.1	Peringkat Intervensi Modul Intervensi	258
Rajah 5.2	Model Intervensi	260

## **SENARAI SINGKATAN**

ANN	-	Mental Health Psychological Support Services
SOP	-	Standard Operating Procedure
PKP	-	Perintah Kawalan Pergerakan
WHO	-	World Health Organization
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
NHMS	-	National Health Morbidity Survey
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
ACA	-	America Counselling Association
BCA	-	British Counselling Association
JKM	-	Lembaga Kaunselor Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Kelulusan Proses Pengumpulan Data	304
Lampiran B	Surat Lantikan Pakar	307
Lampiran C	Kelayakan Kaunselor Berdaftar	310
Lampiran D	Borang Persetujuan Termaklum	311
Lampiran E	Soal Selidik	312
Lampiran F	Aktiviti Pengumpulan Data	322
Lampiran G	Analisis Kandungan Terjemahan Al-Quran	330
Lampiran H	Keratan Verbatim	333

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang mengalami pembangunan yang sangat pesat terutamanya dari segi teknologi, sosio ekonomi, pendidikan dan juga dari segi kepadatan penduduk. Status negara yang membangun dan urbanisasi menjadikan hidup masyarakat semakin kompleks dan mengakibatkan wujudnya masalah-masalah yang berkaitan dengan sosial, budaya dan perubahan ekonomi. Menurut Yeap & Low (2009), masalah-masalah yang wujud akibat daripada pembangunan ini telah melahirkan gaya hidup tidak sihat dan tekanan sehingga menyebabkan pelbagai masalah kesihatan yang rumit termasuk kesihatan mental.

Peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan penduduk di Malaysia sememangnya fenomena yang amat membimbangkan terutamanya dalam kalangan remaja. Kesihatan mental merupakan aspek yang sangat penting bagi setiap fasa kehidupan manusia. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO 2015), kesihatan mental merujuk peringkat kesejahteraan yang mana individu menyedari kebolehan dan keupayaan mereka, mampu menyerap tekanan dalam kehidupan, produktif, serta mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dengan kata lain, ianya merujuk kepada cara berfikir, merasa, bertindak, menghadapi masalah dan mengatasinya malah mampu berinteraksi dengan orang lain (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019). Menurut Dasar Kesihatan Mental Negara (2012) pula, kesihatan mental ialah kemampuan individu, kelompok dan persekitaran untuk berinteraksi di antara satu sama lain bagi mempromosi kesejahteraan subjektif serta fungsi yang optima dan penggunaan keupayaan kognitif, efektif dan perhubungan ke arah pencapaian matlamat individu dan kumpulan yang selari dengan keadilan.

Kesihatan mental dapat memberikan kesan terhadap kehidupan sehari-hari atau masa depan seseorang termasuk kanak-kanak dan remaja. Ketidakupayaan untuk menyerap pelbagai cabaran menyebabkan individu mengalami masalah dalam mengekalkan kesejahteraan mental dengan baik sehingga menyebabkan pelbagai gangguan seperti kemurungan, panik, tekanan dan bunuh diri. Merawat dan melindungi kesihatan mental remaja merupakan aspek yang sangat penting bagi membantu perkembangan individu ke arah yang lebih baik pada masa hadapan (Intan Nurhaila et al., 2011). Melihat kepada kepentingan isu kesihatan mental ini, telah banyak kajian yang dilakukan bagi menerokai, membuktikan dan mengenal pasti faktor-faktor, simptom, kaedah atau langkah bagi mengatasi masalah kesihatan mental dan kesannya dalam kalangan individu khususnya di Malaysia.

Keadaan kesihatan mental ini adalah dipengaruhi oleh beberapa aspek seperti penerimaan ibu bapa, rakan-rakan dan stigma masyarakat sekeliling mengenai kesihatan mental. Stigma didefinisikan sebagai pembentukan persepsi individu yang dibentuk melalui stereotaip iaitu kepercayaan atau pandangan negatif, diskriminasi iaitu reaksi negatif yang ditunjukkan dan prejudis atau perasaan negatif yang wujud terhadap individu lain (Finiki et al., 2018). Stigma yang wujud dalam diri setiap individu menjadi salah satu penghalang kepada remaja untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan. Menurut Finiki et al (2018), stigma menyebabkan golongan remaja takut untuk mendapatkan bantuan daripada masyarakat sekeliling terutamanya bagi golongan remaja lelaki berbanding remaja perempuan kerana takut menerima pandangan negatif. Hal ini secara tidak langsung telah memberi impak yang sangat negatif dan salah satu penghalang kepada remaja untuk terus berdaya tahan dan berdepan dengan cabaran dalam kehidupan. Individu yang mengalami gangguan mental selalunya dianggap sebagai “terlalu dramatik” atau “lemah” dan ada antaranya yang dianggap gila, terlalu sensitif, inginkan perhatian, kurang keyakinan diri dan sebagainya sehingga menyebabkan mereka takut dan gagal untuk meningkatkan keberanian untuk mendapatkan bantuan bagi membantu mereka menyerap segala tekanan yang wujud.

Keupayaan untuk menyerap segala unsur negatif yang berada di sekeliling dan kemampuan untuk berdepan dengan masalah dirujuk sebagai resilien ataupun daya tahan. Resilien yang baik adalah mekanisme yang sangat penting dalam membantu remaja mengatasi masalah kesihatan mental. Resilien adalah sesuatu yang dinamik iaitu proses interaktif antara sumber yang menyumbang kepada penjagaan diri individu daripada kesukaran yang dihadapi (Masten, 2011). Resilien juga adalah keupayaan atau jumlah kejayaan individu untuk menyesuaikan diri daripada gangguan seperti kesengsaraan, tekanan dan kehendak yang mempunyai potensi untuk mengganggu individu terus berfungsi (Kaymarlin et al., 2017). Menurut Jessie & James (2017), walaupun resilien boleh dibina melalui pendedahan kepada pengalamanyang mencabar iaitu perasaan selamat dan kecekapan yang tinggi, tekanan yang wujud hasil daripada ketidakselesaan psikologikal yang dialami oleh individu berpotensi untuk menyumbang kepada masalah kemurungan dan kesihatan mental yang lain.

Bagi membentuk dan meningkatkan resilien dalam diri seseorang individu, kekuatan dalaman yang terbentuk memerlukan bantuan, sokongan, rawatan daripada diri sendiri, ibu bapa, keluarga, rakan sebaya dan masyarakat. Menurut Melissa & Balan (2019), kesejahteraan psikologi adalah aspek penting dalam menentukan kebahagiaan dan kesihatan mental seseorang individu yang mana individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik cenderung mempunyai kesihatan mental yang lebih stabil berbanding mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang kurang baik. Kajian ini juga telah dibuktikan dengan dapatan kajian terdahulu oleh Suzyliana (2016) yang mana kecerdasan emosi dipengaruhi oleh penerimaan, layanan, perasaan dan sokongan yang di terima daripada persekitaran. Penerimaan yang baik akan menyebabkan individu mempunyai emosi yang lebih stabil dan berkebolehan untuk mengawasi diri sendiri dari segi tindakan dan pemikiran sekali gus mempengaruhi tahap kesihatan mental.

Oleh yang demikian, melihat kepada kepentingan kesihatan mental dalam kalangan remaja dan kesannya terhadap perkembangan pemikiran, tingkah laku dan psikologikal remaja, maka kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka kaedah intervensi yang bersesuaian yang boleh diaplikasikan bagi merawat isu kesihatan mental dan resilien berdasarkan kaedah konvensional dan kerohanian melalui

pembinaan modul rawatan berdasarkan kepada kepentingan psikologikal dan teknik kaunseling. Bab ini juga akan membincangkan secara terperinci tujuan kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, kaedah metodologi dan perbincangan yang lebih menyeluruh mengenai kajian yang dilakukan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran penduduk semasa Malaysia bagi tahun 2021 adalah seramai 32.7 juta orang yang mana jumlah ini telah mengalami peningkatan berbanding 32.6 juta pada tahun 2020 dengan kadar pertambahan sebanyak 0.2%. Anggaran penduduk ini telah menunjukkan 23.3% adalah penduduk yang berusia 0-14 tahun dan 69.7% adalah kategori umur 15-64 tahun. Statistik ini secara tidak langsung menunjukkan golongan remaja dan dewasa merupakan golongan yang paling ramai di Malaysia berbanding golongan kanak-kanak dan warga emas. Berbanding golongan dewasa, golongan remaja sentiasa berjuang untuk membentuk identiti, terlibat dalam hubungan yang sihat dan menyelaraskan transisi kehidupan mereka dalam dunia yang semakin mencabar. Menurut Kamarul Azmi, Rozana & Mohd Faeez (2017), remaja merupakan tempoh peralihan dari zaman kanak-kanak kepada dewasa yang mana individu pada peringkat umur ini mengalami perubahan yang pesat dari segi fizikal, mental, biologi, emosi, tanggungjawab dan peranan yang mana kegagalan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut menyebabkan remaja mengalami ketidakstabilan dari segi emosi dan psikologikal yang akhirnya memberi kesan kepada kesihatan mental mereka.

Menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019, seramai 4.2 juta rakyat atau kira-kira 29.2% penduduk di negara ini yang berusia 16 tahun dan ke atas mengalami pelbagai masalah kesihatan mental manakala menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2015), hampir separuh penyakit mental bermula pada usia 14 tahun dan ianya berlaku kerana kebanyakannya tidak dapat dikesan dan tidak mendapat rawatan pada peringkat awal (Norhafzan, 2018). Hal ini telah menyebabkan berlakunya meningkatkan isu kesihatan mental dalam kalangan remaja dari hari ke hari. Kajian yang dilakukan oleh Sarbhan, Rafdzah & Nik Dahliana (2018),

menunjukkan bahawa hanya 3.5% responden kajian berupaya mengenal pasti kemurungan, tekanan dan kebimbangan manakala majoriti daripadanya tidak mempunyai pengetahuan bagi mengesah masalah kesihatan mental dalam diri mereka dan menyebabkan berlaku penularan masalah kesihatan mental. Menurut Lambert (2018), bagi mengharungi cabaran-cabaran yang wujud hasil dari perkembangan ini, dianggarkan 20% golongan remaja berhadapan dengan masalah kesihatan mental dan sebahagiannya daripadanya terdedah kepada salah laku (Abd Kadir et al., 2013).

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Hazuad & Dini (2017), menunjukkan antara faktor yang menyebabkan berlakunya kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan remaja adalah hubungan interpersonal, persekitaran, kewangan, keselamatan, hubungan dengan keluarga, penglibatan aktiviti luar, masalah komunikasi, interaksi sosial, pergaulan rakan sebaya, masalah keluarga dan peribadi (Norhayati, 2013). Jolie & Christy (2016), menyatakan bahawa remaja mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk berhadapan dengan krisis dan berisiko tinggi untuk gagal menangani krisis dengan baik yang mana ianya dikaitkan dengan pembentukan resilien yang akhirnya mempengaruhi tahap kesihatan mental mereka. Kekurangan penglibatan dengan individu dan masyarakat bersama dengan perasaan rendah diri dan kekecewaan akan menyebabkan individu menjauh dan mengasingkan diri, mengalami tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Pembinaan resilien yang rendah dalam diri remaja menyebabkan golongan ini tidak mampu untuk membina satu sumber kekuatan bagi membantu mereka menangani isu berkaitan dengan kesihatan mental dan akhirnya terjerumus ke arah yang lebih negatif.

Masalah-masalah sosial yang semakin meningkat dalam kalangan remaja di Malaysia pada masa kini menunjukkan keupayaan dan kebolehan psikologikal mereka berada pada tahap yang serius. Remaja yang tidak mempunyai keupayaan psikologi yang baik cenderung untuk mengalami tekanan, rasa kesunyian, kesepian, emosi yang tidak stabil dan pemikiran yang bercelaru sehingga menyebabkan mereka gagal untuk membuat pilihan dan keputusan yang terbaik. Kegagalan ini akhirnya menyebabkan mereka mudah terjerumus kepada aktiviti yang menyeronokkan walaupun ianya mendatangkan kesan negatif terhadap kehidupan mereka seperti terlibat dengan masalah sosial. Menurut Othman & Norasmah (2018), remaja yang terlibat dalam

masalah sosial adalah mereka yang mengalami gangguan emosi yang mana tingkah laku anti sosial berlaku akibat daripada kemurungan dan kebimbangan yang dipengaruhi oleh faktor psikologikal.

Resilien yang rendah dalam diri menyebabkan remaja tidak mampu membina sumber kekuatan yang baik bagi menyerap segala tekanan dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Remaja yang mempunyai resilien yang rendah gagal untuk mengawal emosi, pemikiran dan tingkah laku mereka, mengalami kebimbangan melampau, kemurungan dan terlibat dengan pelbagai aktiviti yang membahayakan diri mereka seperti penggunaan bahan terlarang, terlibat dengan masalah sosial dan sebagainya. Mohamad Johdi (2012), menyatakan bahawa pergantungan psikologikal individu terhadap penggunaan dadah adalah bertujuan untuk membolehkan mereka berfungsi secara normal serta mampu mencapai ketenangan jiwa manakala menurut Suppiah Nanchiappan (2015), faktor utama berlakunya penagihan dadah adalah kekurangan motivasi, pengaruh rakan dan sokongan daripada persekitaran dalam kalangan penagih sehingga menyebabkan remaja gagal membina resilien yang baik sebagai sumber mengekalkan tahap kesihatan mental yang positif. Hal ini turut disokong oleh statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (2018) yang mana Statistik Penagih Dadah di Malaysia 2017 telah mencatatkan seramai 694 orang penagih adalah dalam lingkungan umur 13-18 tahun, 374 orang darinya adalah dalam lingkungan umur 18 tahun, 72 orang bagi 13-15 tahun dan 248 orang bagi mereka yang berumur 16-17 tahun. Melalui jumlah ini sebanyak 1910 kes penagih baru di kesan dan 660 kes penagih berulang dalam tempoh sebulan pada tahun 2016. Bilangan penagihan dadah ini melibatkan seramai 29,660 golongan lelaki dan 1184 golongan perempuan yang mana seramai 1680 orang daripadanya adalah golongan remaja dan secara majoritinya adalah remaja lelaki

Kegagalan membina resilien yang baik juga telah mencetus kepada peningkatan kes jenayah dan juvana yang bertambah dari tahun ke tahun. Keadaan ini dibuktikan dengan statistik kes juvana yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat 2015 yang menunjukkan peratus tertinggi remaja yang terlibat dengan jenayah adalah yang bersabit harta benda iaitu 36.0 %, kesalahan dadah 29.7% dan

bersabit dengan orang 13.4%. Masalah jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja ini telah menyebabkan ramai golongan remaja menjadi penghuni di pusat-pusat tahanan akhlak di seluruh negara. Perkara ini dibuktikan oleh Statistik Kemasukan Tahanan ke Pusat Pemulihan Akhlak, Pusat Pemulihan Khas dan Tempat Tahanan Khas Jabatan Penjara 2015 hingga 2017, melaporkan bahawa jumlah penghuni yang berada di Pusat Pemulihan Akhlak (LLPK) adalah seramai 1198 orang, Pusat Pemulihan Khas (PPK) seramai 254 orang dan Tempat Tahanan Khas (TTK) seramai 4 orang yang mana mereka yang berada di pusat tahanan ini adalah mereka yang terlibat dengan jenayah komersil, dadah, rogol, mencuri dan sebagainya.

Menurut Suara Sarawak (11 Februari 2020), secara majoritinya peningkatan kes yang melibatkan tahanan remaja salah laku di pusat-pusat pemulihan adalah disebabkan oleh penglibatan dalam jenayah penyalahgunaan dadah. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Pemulihan Dadah Persendirian 2018, seramai 1440 orang remaja telah dimasukkan ke pusat pemulihan di mana seramai 162 orang daripadanya adalah golongan remaja yang berusia 13 hingga 19 tahun. Melalui statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat 2015, terdapat seramai 4,569 pesalah juvana yang terdiri daripada 4,152 orang bagi kesalahan pertama dan 417 orang bagi kesalahan berulang. Menurut Rashiqah & Siti Azila (2018), faktor psikologi atau psikiatri seperti kemurungan, skizofrenia, rakan sebaya, daya ketahanan yang rendah dan peranan persekitaran remaja terutamanya didikan semasa di rumah yang bermula dari usia kanak-kanak telah memberikan pengaruh yang besar terhadap penglibatan remaja dalam masalah salah laku.

Kurangnya keupayaan dalam membina resilien yang baik dalam diri telah menjadi faktor berlakunya kes relaps atau kesalahan berulang dalam kalangan remaja. Menurut Mohd Nasir, Kamaluddin & Jasni (2020), kes relaps dalam kalangan remaja adalah merupakan sesuatu yang bersifat kompleks, dinamik dan tidak jangka. Relaps adalah bermaksud kembali semula kepada pola tingkah laku yang bermasalah dan menjadi denominator utama dalam merawat masalah tingkah laku (Addiction Center, 2019). Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kes relaps dalam kalangan remaja salah laku iaitu faktor psikologikal, pengalaman traumatis, pengaruh rakan sebaya (Macy, Renz dan Pelino, 2013), ketagihan serta masalah kekeluargaan

seperti penderaan fizikal, emosi, mangsa keganasan yang menyebabkan daya ketahanan diri remaja semakin lemah dan menyebabkan keterlibatan kembali kepada tingkah laku awal (Nazira et al, 2019).

Keadaan dunia yang semakin mencabar menyebabkan tumpuan ibu bapa lebih cenderung untuk menyediakan keselesaan dari segi fizikal dan material sehingga ada yang lupa mengenai kerohanian dan psikologikal anak-anak terutamanya golongan remaja yang sering terdedah dengan pelbagai risiko. Kesibukan bekerja dan tumpuan memenuhi kehendak dan keperluan menyebabkan banyak masa diluangkan dengan kerja sehingga masa untuk diluangkan bersama anak-anak semakin terbatas. Hal ini menyebabkan anak-anak cenderung untuk mencari jalan mengurangkan tekanan dan meluahkan masalah bersama rakan-rakan dan terpengaruh dengan gejala sosial yang tidak sepatutnya sehingga mempengaruhi kesihatan mental mereka (Mohammad Abu Bakar, 2010). Menurut Fariza Md Sham & Azyyati (2015), tekanan adalah dipengaruhi bukan hanya oleh gangguan mental dan emosi, tetapi juga apabila manusia merasa kesengsaraan di dalam jiwa atau jiwa berada dalam kegelisahan, ketakutan, kebimbangan dan keraguan.

Faktor kekeluargaan juga menjadi penyumbang kepada tekanan dalam kalangan remaja. Keluarga yang bahagia akan memberikan kestabilan emosi kepada remaja dan keluarga yang bermasalah cenderung untuk memberi gangguan kepada emosi remaja. Selain itu, pelbagai aspek seperti kestabilan perkahwinan, persekitaran keluarga, corak tingkah laku ibu bapa, latar belakang pendidikan keluarga, sosioekonomi, kualiti perhubungan di antara ibu bapa dan anak-anak serta kualiti perhubungan di antara adik-beradik turut menjadi penyumbang kepada tekanan yang akhirnya menjaskan tahap kesihatan mental remaja (Fariza Md Sham, 2015). Berdasarkan kepada taraf kehidupan yang semakin mencabar menyebabkan ibu bapa lebih menumpukan kepada memenuhi keperluan material sehingga mengabaikan keperluan psikologikal anak-anak terutamanya dari segi keperluan rohani dan keagamaan yang mana didikan agama tidak dinafikan amat penting sebagai benteng kekuatan dalaman individu.

Melihat kepada kepentingan aspek spiritual atau kerohanian sebagai medium merawat masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja, pendekatan kaunseling

Islam semakin diberikan perhatian. Menurut Othman & Norasmah (2018), aspek spiritual memainkan peranan yang penting kepada golongan remaja kerana penglibatan remaja dalam masalah kesihatan mental dan masalah sosial juga dipengaruhi oleh kurangnya amalan kerohanian dalam diri mereka. Suriani, Fariza & Phayilah (2018) menyatakan bahawa spiritual merupakan sebahagian daripada komponen kejadian manusia yang mana elemen keimanan, kepercayaan, ketakwaan dan takut akan balasan akhirat dapat menjadi penyelesaian kepada masalah akhlak dan moral dalam kalangan remaja. Perkara ini di sokong oleh Norazlina & Noor Shakirah(2017), yang mana pendekatan kognitif Ad-Din adalah memfokuskan kepada minda sebagai elemen penting yang menentukan individu bertingkah laku dan berubah yang mana ianya berfokus kepada konsep fitrah (naluri semula jadi manusia) dan perbincangan bagaimana untuk mengawal nafs (nafsu) dan qalb (hati), yang membawa kepada kebaikan atau keburukan. Dari aspek keagamaan, kaunseling merujuk kepada aspek akidah, ibadah dan akhlak yang mana ianya memberikan impak yang positif kepada klien seperti ketenangan minda, mendidik daya tahan untuk berdepan dengan masalah dalam kehidupan dan bersikap rational (Salasiah et al., 2017). Pendekatan agama berupaya untuk meningkatkan kesihatan mental, fungsi sosial dan kualiti hidup. Individu yang mengamalkan elemen kerohanian akan memperoleh kesihatan fizikal dan mental yang lebih baik dan kemampuan untuk bersaing dalam psikososial yang lebih tinggi (Md Noor Saper & Zanaton, 2016).

Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada pembentukan modul intervensi menggunakan gabungan pendekatan kaunseling Adler dan pendekatan kaunseling Islam dalam meningkatkan resilien dalam kalangan remaja di Malaysia. Pembinaan modul ini akan menjadi salah satu bentuk intervensi baru bagi menangani isu kesihatan mental dalam kalangan remaja dan secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan serta kemahiran baru kepada para kaunselor dalam proses membantu remaja khususnya yang terlibat dalam masalah salah laku pada masa akan datang.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Kurangnya pembinaan resilien yang baik dalam diri remaja tidak dapat dinafikan telah memberikan kesan yang buruk terhadap perkembangan mereka dalam membentuk masa depan yang lebih baik. Peningkatan kes kemurungan, percubaan membunuh diri, terlibat dengan penyakit mental seperti halusinasi, skizofrenia dan malah isu gejala sosial memberikan gambaran yang jelas bahawa golongan remaja tidak mempunyai cara atau kaedah mengurangkan tekanan sehingga menyebabkan mereka tidak dapat berfikiran secara rasional serta tidak mampu mengawal pemikiran dan tingkah laku mereka dengan baik. Menurut Mohd Nasir, Kamaluddin & Jasni (2020), faktor kekurangan resilien dalam diri remaja yang terlibat dalam salah laku juga merupakan isu yang menyebabkan penularan masalah relaps atau kes berulang dalam kalangan remaja.

Antara faktor yang dilihat menyumbang kepada kes berulang dalam kalangan remaja yang menghuni pusat pemulihan adalah sikap penafian, kegagalan menyesuaikan diri dengan perubahan, sokongan daripada keluarga, pengaruh rakan sebaya, faktor ketahanan diri, rasa bersalah terhadap pengalaman lepas serta kurangnya pendekatan yang melibatkan aspek kerohanian (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2013). Menurut Idris, Shaffie & Mariamdaran (2020), penekanan terhadap pengajaran tentang teknik, strategi daya tindak, bimbingan kaunseling serta penerapan elemen spiritual perlu diberikan penekanan utama khasnya kepada pelatih yang akan dibebaskan dari pusat pemulihan sebagai persediaan menghadapi rintangandan dugaan hidup yang mencabar selepas dibebaskan.

Alizadeh (2012) menyatakan bahawa kajian ke atas perkembangan individu terutamanya aspek agama Islam yang diterapkan di dalam diri manusia semenjak dari kecil mencerminkan bagaimana bentuk kepercayaan, amalan keagamaan, tingkah laku dan pemikiran individu di bina dan diterapkan dalam diri yang akhirnya mempengaruhi perkembangan mereka pada masa akan datang. Remaja yang terlibat dengan masalah salah laku dan keganasan juga menggambarkan kepercayaan agama mereka. Kajian oleh Higginbotham et al (2007) mendapati remaja perempuan berumur 18 hingga 24 tahun menunjukkan bahawa mereka yang kurang amalan agama

cenderung untuk terlibat dengan keganasan berbanding mereka yang mempunyai tahap amalan agama yang tinggi. Selain daripada itu, kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan keagamaan boleh digunakan sebagai sumber rawatan dalam menangani remaja terlibat dengan masalah tingkah laku (Saadah, Salwan & Roslee, 2008).

Terdapat beberapa kajian berkenaan dengan bimbingan islamik telah dilakukan antaranya kajian yang telah dilakukan oleh Md Noor & Zanaton (2016): Salasiah (2018), iaitu melibatkan Modul Tazkiyah Al-Nafs yang memfokuskan kepada rawatan ke atas masalah tingkah laku pelajar dan remaja bermasalah. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan islamik dapat membantu meningkatkan tahap kesihatan mental, fungsi sosial dan kualiti hidup. Menurut Graham et al (2001), individu yang mempunyai identiti spiritual yang positif mampu untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan keberkesanan interpersonal. Berdasarkan kepada isu ini, maka peningkatan dalam tahap kemurungan adalah mempunyai hubungan dengan kurangnya kepercayaan terhadap agama.

Pembangunan modul-modul sedia yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu seperti Penerapan Tazkiyah Al-Nafs (Intan Farhana & Siti Nabilah , 2018: Salasiah et al., 2017), Kognitif Ad-Din (Che Zarina & Sharifah Basirah (2012) dan modul Kerohanian Model Al-Musahibi (Norfadhilah & Faudzinaim, 2017) tidak dinafikan telah dilaksanakan bagi menangani isu spiritual dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah-kaedah ini hanya menitikberatkan kepada aspek penerapan ibadah, akhlak dan tasawuf dalam diri remaja tanpa memfokuskan kepada menangani isu psikologikal dan isu masalah mental dalam kalangan remaja. Hal ini menyebabkan keupayaan modul-modul ini dalam menangani isu resilien dalam kalangan remaja tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Melissa & Balan (2018), yang mana kajian ke atas 430 orang pelajar di beberapa buah sekolah di Sabah menunjukkan tahap resilien remaja berada pada tahap sederhana dan tahap rendah bagi pelajar luar bandar yang mana tahap ini dipengaruhi oleh faktor kemurungan. Kajian oleh Norasmah (2017) ke atas 1970 orang pelajar dari 15 buah universiti awam dan 16 universiti swasta pula telah merekodkan resilien berada pada tahap sederhana yang mana faktor penyelesaian masalah, kerohanian, sikap optimis dan kemahiran sosial memainkan peranan terhadap pembentukan resilien remaja. Norfatmazura & Nooraini (2021) juga telah mendapatkan

sebanyak 18.6% remaja menghadapi tekanan hidup malah kajian ke atas 135 orang remaja ini juga menunjukkan 9.5% remaja mempunyai tahap resilien yang rendah. Hal ini menjelaskan kaedah-kaedah rawatan yang lebih terbaik terutamanya melibatkan gabungan pendekatan konvensional dan islamik diperlukan bagi memastikan tahap resilien remaja semakin meningkat dan sekali gus meningkatkan tahap kesihatan mental remaja.

Kefahaman dan amalan agama yang baik sejak dari kecil memainkan peranan yang penting kepada pembentukan emosi, pemikiran, akhlak dan tingkah laku remaja. Kurangnya kefahaman dan penerapan nilai-nilai agama dalam diri menyebabkan golongan remaja mudah terdedah kepada risiko pembentukan emosi, pemikiran dan tingkah laku yang negatif. Menurut Mardzelah (2012), Ishak (2012), Siti Hairaney (2004), antara punca berlakunya masalah mental seperti tekanan, kemurungan serta salah laku dalam kalangan remaja adalah disebabkan oleh faktor agama iaitu kurangnya amalan kerohanian dan penghayatan agama dalam diri mereka (Halimah Abd Halim & Zainab Ismail, 2015). Menurut Said, Mustafa & Fatmawati (2015), ibu bapa yang tidak mengamalkan nilai-nilai agama dalam gaya asuhan dan didikan anak-anak memberi kesan kepada pembentukan psikologikal dan tingkah laku mereka. Remaja yang tidak mempunyai kefahaman agama yang baik cenderung untuk berhadapan dalam perubahan emosi, tingkah laku, mudah untuk terlibat dengan masalah psikologikal seperti murung, tekanan dan akhirnya cenderung untuk membunuh diri (Maznah, Norulhuda & Ezarina, 2018). Penerapan elemen-elemen kerohanian dan keagamaan di dalam bentuk intervensi sememangnya memberi kesan dalam pembentukan resilien remaja. Perkara ini di sokong oleh dapatan yang diperoleh oleh Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari (2015), yang mana aplikasi taubat terpimpin, bimbingan dan sokongan, aplikasi penyerahan diri kepada Tuhan dan terapi yang menggabungkan rawatan aspek rohani dan jasmani dapat membantu tahap pemulihan remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Tidak dapat dinafikan bahawa berlaku peningkatan para graduan dalam bidang kaunseling dari Institut Pendidikan Tinggi sama ada awam atau swasta setiap tahun. Namun begitu, mereka masih memerlukan bimbingan dalam menangani kes-kes kaunseling yang sebenar secara praktikal berbanding teoritikal. Kurangnya

pengalaman, pengetahuan dan kematangan berhadapan dengan kes-kes sebenar memberi kesan kepada kejayaan sesuatu sesi kaunseling yang dilakukan. Selain itu, pembelajaran semasa di peringkat Universiti yang menumpukan kepada teori-teori dan teknik-teknik konvensional dari Barat menjadikan teori-teori ini sebagai rujukan utama para kaunselor di Malaysia. Berdasarkan kepada pengalaman pengkaji ketika menangani kes-kes kaunseling terutamanya dalam kalangan remaja, pelbagai teknik dan teori diperlukan dalam membantu memastikan keberkesanan sesi berbanding tumpuan hanya pada satu teori atau teknik sahaja terutamanya melibatkan remaja yang beragama Islam. Penerapan nilai-nilai keagamaan di dalam teknik-teknik kaunseling memberi kesan yang baik terhadap remaja (Siti Aisah & Sidar, 2016). Keperluan pengetahuan dari segi teknik dan kemahiran yang baru diperlukan oleh para kaunselor bagi menangani isu berkaitan remaja terutamanya dari aspek kerohanian. Mazita, Norhayati & Salleh, 2019) menegaskan bahawa pendekatan spiritual dan keagamaan terutamanya dalam proses kaunseling merupakan satu usaha untuk mengembalikan fungsi individu terutamanya dari aspek pemulihan. Walaupun kaunseling Islam ini dilihat mempunyai kepentingannya dalam bidang kaunseling, namun ianya masih belum berkembang dan diberikan kajian yang menyeluruh dari segi konsep, teknik dan modul yang bersesuaian khususnya di Malaysia. Menurut Che Zarina et al., (2018), kesepaduan dan keseimbangan di antara individu dan spiritual memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesuatu proses kaunseling (Che Zarina, et al, 2018).

Walaupun pendekatan konvensional dan kaunseling Islam dibuktikan kepentingannya dalam menangani isu kesihatan mental, namun kekurangan modul atau kaedah rawatan yang berkesan terutamanya melibatkan gabungan teorikonvensional dan kaunseling Islam masih perlu diberikan perhatian dan kajian yang lebih menyeluruh. Salasiah & Noor Shakirah (2013), mencadangkan bahawa perlu adanya kajian yang boleh membuktikan hubungan di antara pendekatan islamik dan keberkesanan kaunseling malahan seorang kaunselor perlu mempunyai pengetahuan di dalam kedua-dua disiplin iaitu konvensional dan kaunseling Islam (Norazlina & Noor Shakirah, 2017). Kepakaran dalam kedua-dua aspek ini dapat meningkatkan keupayaan seseorang kaunselor dalam menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh klien.

Oleh yang demikian, pembinaan modul yang berdasarkan kepada pendekatan agama ini diharap dapat membantu para kaunselor untuk mengaplikasikan intervensi dalam menangani isu-isu yang berkaitan tingkah laku dalam kalangan remaja dan pelajar. Elemen-elemen keagamaan perlu diberikan perhatian dan dikembangkan dalam proses bimbingan dan kaunseling. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya kajian-kajian bimbingan kaunseling yang memberi penekanan terhadap isu spiritual, perspektif agama dalam mengurangkan tekanan sosial (Finney & Maloney, 2005). Pendekatan kaunseling berpandukan perspektif Islam dilihat mempunyai potensi dalam menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh klien.

Sehubungan dengan itu, berpandukan kepada senario dan keadaan yang berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini dan kepentingan meningkatkan resilien serta kepentingan kesihatan mental, tujuan utama kajian ini adalah untuk membina modul intervensi menggunakan pendekatan kaunseling Islam dan pendekatan kaunseling individu Adler dalam meningkatkan tahap resilien kalangan remaja di Malaysia. Berbeza dengan modul-modul sedia ada, modul intervensi yang dibina di dalam kajian melibatkan gabungan konsep pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling Adler di mana setiap peringkat intervensi melalui proses analisis yang sistematik. Selain itu, modul ini juga akan menekankan kepada pembangunan resiliensi dalam kalangan remaja salah laku serta menitikberatkan peranan kaunselor dari segi teknik dan ciri-ciri kaunselor sebagai role model di dalam sesi kaunseling.

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk:-

- (a) Meneroka konsep kaunseling Islam yang bersesuaian berdasarkan terapi Al-Quran, As-Sunnah dan Hadis.
- (b) Meneroka konsep berdasarkan pendekatan kaunseling Individu Adler yang boleh diaplikasikan.
- (c) Meneroka gabungan yang bersesuaian antara konsep kaunseling Islam dan pendekatan kaunseling Individu Adler dalam pembinaan modul intervensi.
- (d) Membuat kesahan kandungan terhadap modul intervensi yang dibina.
- (e) Meneroka kesan modul intervensi terhadap tahap resilien remaja.

- (f) Mengenal pasti peranan kaunselor terhadap tahap keberkesanan modul intervensi.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan dan objektif kajian yang dinyatakan, maka kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- (a) Apakah konsep kaunseling Islam yang bersesuaian yang boleh diaplikasikan dalam meningkatkan resilien dalam kalangan remaja?
- (b) Apakah konsep kaunseling Adler yang boleh diaplikasikan terhadap remaja dalam meningkatkan tahap resilien?
- (c) Apakah gabungan terbaik di antara konsep kaunseling Islam dan konsep kaunseling Individu Adler dalam pembinaan modul intervensi?
- (d) Adakah modul intervensi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi?
- (e) Adakah modul intervensi mempunyai kesan terhadap tahap resilien remaja?
- (f) Apakah peranan kaunselor terhadap tahap keberkesanan modul intervensi?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Selaras dengan Dasar Sosial Negara (DSN) yang menekankan kepada pembangunan sosial yang berteraskan kepada nilai-nilai murni, ketahanan nasional, dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia maju dan mantap, maka kajian-kajian yang melahirkan dapatan-dapatan yang memberi input kepada pembangunan negara adalah amat penting. Oleh itu, diharapkan hasil daripada kajian ini dapat memberikan pendedahan kemahiran dan pengetahuan baru yang dapat membantu pihak-pihak berkepentingan dalam usaha mencapai pembangunan yang lebih baik. Pengkaji dapat melihat beberapa kepentingan dan keperluan yang akan diperoleh daripada kajian ini. Antaranya ialah kepada institusi kerajaan, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, ibu bapa dan remaja.

### **1.6.1 Institusi Kerajaan**

Modul Intervensi yang dibina melalui kajian ini dapat memberikan impak terhadap institusi kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan serta institusi yang berkaitan. Konsep dan kemahiran baru khususnya gabungan di antara kaunseling Islam dan kaunseling konvensional dapat membantu memberikan maklumat bagi pembinaan program-program dan kaedah rawatan yang pelbagai dalam menangani isu kesihatan mental dalam kalangan remaja. Modul intervensi yang dibina dapat membantu kaunselor-kaunselor di institusi kerajaan untuk mempraktikkan kaedah baru ketika berhadapan dengan kes melibatkan remaja. Hal ini dapat membantukhususnya pusat-pusat pemulihan akhlak, Sekolah Tunas Bakti, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya dalam melahirkan lebih banyak intervensi yang sesuai terutamanya dalam melahirkan remaja yang berdaya tahan sekali gus mengelakkan kesalahan berulang pada masa akan datang. Malahan membantu remaja untuk bangkit daripada masa silam dan menjadi insan yang berkepentingan kepada negara pada masa akan datang.

### **1.6.2 Kaunselor**

Peningkatan tahap kesedaran mengenai kepentingan kaunseling dalam kalangan individu menyebabkan keperluan kaunselor semakin meningkat. Kepakaran dan keupayaan mengendalikan kaunseling dengan mengambil kira kepelbagaian teknik dan teori amat diperlukan oleh para kaunselor bagi membantu klien (Muhammad Sharif Mustafa, 2003). Menurut Fadilah & Maisarah (2009), keupayaan kaunselor dalam menangani kepelbagaian isu dengan mengaplikasikan pelbagai kaedah mampu untuk memberi kesan kepada sesi kaunseling. Personaliti, pengetahuan, pengalaman dan keupayaan kaunselor untuk memahami, meneroka, menganalisis dan membentuk intervensi menjadi medium kepada kejayaan sesuatu sesi kaunseling. Oleh yang demikian, selain daripada aplikasi pendekatan konvensional, pembinaan intervensi yang bersumberkan kaunseling perspektif Islam ini dapat memberi pengetahuan yang baru kepada kaunselor dalam menangani individu atau remaja terutamanya yang beragama Islam dan di Malaysia khususnya.

Justeru, kajian ini merupakan satu bentuk mekanisme yang dapat memberi sumbangan kepada para kaunselor terutamanya dalam meningkatkan keyakinan dan kejayaan kaunselor. Pembinaan modul ini juga dapat membantu para kaunselor untuk menambahkan pengetahuan, melaksanakan sesi kaunseling dengan lebih kondusif dan meningkatkan tahap kepakaran kaunselor.

### **1.6.3 Ibu bapa**

Peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja memberi gambaran yang jelas bahawa ibu bapa sukar membendung dan mengawal tingkah laku, emosi dan psikogikal anak-anak remaja mereka. Kekurangan bentuk intervensi yang sesuai menyebabkan berlakunya kesalahan berulang dalam kalangan remaja. Menurut Beurah, Shahah & Hamimah (2015), tanggapan negatif yang wujud dalam masyarakat menyebabkan ibu bapa takut untuk mendapatkan bantuan bagi menangani isu yang dihadapi oleh anak-anak. Stigma dan tahap pendidikan ibu bapa mengenai isu kesihatan mental menyebabkan kurangnya pendedahan dan maklumat bagi membantu mereka menangani isu melibatkan anak-anak remaja (Agnes Sombuling, 2014). Kajian yang dilakukan oleh Zakiyah & Jamaluddin (2012) menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai sumber maklumat berupaya membantu meningkatkan kualiti anak-anak mereka berbanding ibu bapa yang kurang terdedah kepada maklumat. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini diharap bukan sahaja dapat menjadi sumber maklumat kepada ibu bapa mengenai kesihatan mental bahkan memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa terdapat intervensi yang dapat membantu anak-anak mereka untuk terus membina kekuatan dan melakukan perubahan positif.

### **1.6.4 Remaja**

Sarnon et al, (2012), menyatakan bentuk sokongan yang diterima oleh remaja menjadi salah satu faktor penentu kepada pembentukan tingkah laku remaja. Remaja yang mempunyai sistem sokongan mampu untuk membina keupayaan untuk membentuk resilien yang lebih baik berbanding mereka yang tidak mempunyai sumber sokongan yang baik. Tengku Aizan (2001): Nurul Hudani et al, (2017) dalam kajian mendapati bahawa bentuk sokongan seperti perhatian, empati, kasih sayang,

galakan dan sebagainya merupakan salah satu bentuk pemulihan yang diperlukan oleh para remaja semasa proses perubahan. Sokongan emosi yang diperoleh daripada persekitaran selain daripada ibu bapa turut memainkan peranan yang penting sebagai sumber kekuatan remaja dalam menangani isu kesihatan mental. Oleh yang demikian, kajian yang menjurus kepada bentuk intervensi kaunseling yang bermatlamat meningkatkan resilien remaja ini merupakan satu bentuk sokongan yang diperlukan oleh remaja. Sistem sokongan ini amat diperlukan oleh remaja khususnya mereka yang bakal membina kehidupan yang baru setelah keluar dari pusat-pusat pemulihan. Bentuk sokongan, galakan, peranan kaunselor sebagai role model, bimbingan dan sebagainya bertindak sebagai medium yang akan membantu remaja. Modul intervensiyang dibina ini diharap bukan sahaja dapat memberi sumbangan dalam menguatkan tahap psikologikal bahkan spiritual dalam kalangan remaja.

### **1.6.5 Bidang Pendidikan**

Kebergantungan dan penerapan Pendidikan di Institusi Pendidikan terhadap pendekatan dan konvensional menyebabkan para graduan mempunyai idea yang terhad terutamanya dalam bidang penyelidikan. Kajian ini akan memberi satu idea, pandangan yang baru kepada para pelajar untuk meluaskan skop penyelidikan dan secara tidak langsung dapat mewujudkan lebih banyak teknik-teknik dan penemuan baru yang boleh diaplikasikan. Kajian ini juga akan mengembangkan bidang psikologi dan kaunseling khususnya kaunseling Islam dengan melibatkan pembinaan modul pembelajaran yang baru di institusi pendidikan. Modul intervensi ini turut berperanan dalam memberikan pengalaman kepada para graduan mengaplikasikan teori, ilmu psikologi dan konsep kaunseling dalam menangani isu psikologi remaja. Malahan, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang ilmu (*body of knowledge*) iaitu kajian yang lebih meluas melibatkan kajian bagi menguji keberkesanan modul bersama mediator yang baru, mengembangkan modul yang dibina dengan penambahan variable yang baru, menggabungkan lebih banyak teori-teori konvensional dan kaunseling Islam dan sebagainya.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk membina modul intervensi yang memfokuskan kepada pembinaan resilien dalam kalangan remaja. Modul intervensi yang dibina di dalam kajian ini bukanlah bertujuan untuk menangani isu moral, isu sosial, isu psikologikal dan isu kesihatan mental secara terus tetapi hanya bermatlamat bagi membantu remaja meningkatkan resilien sebagai salah satu alternatif bagi membina kekuatan diri dalam menangani krisis yang dihadapi oleh mereka.

Pembinaan modul intervensi di dalam kajian ini juga melibatkan gabungan konsep daripada pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling konvensional. Modul intervensi ini hanya melibatkan gabungan konsep kaunseling Islam dan kaunseling Individu Adler sebagai isu kandungan modul kerana fokus utama modul adalah bagi meneroka faktor yang mempengaruhi perkembangan diri individu serta menerapkan elemen-elemen islamik sebagai teras pembentukan sumber resilien. Justeru, kajian ini hanya meneroka konsep-konsep kaunseling Islam dan kaunseling Individu Adler yang berkepentingan terhadap pembinaan resilien menerusi analisis ke atas sumber primer dan sekunder seperti Al-Quran, As-Sunnah, Hadis dan kajian literatur. Oleh itu, kajian tidak melibatkan analisis ke atas teknik dan teori-teori dari kaunseling konvensional yang lain.

Skop kajian ini juga melibatkan remaja berumur 13 hingga 19 tahun sebagai sampel kajian yang mana beberapa ciri-ciri utama telah ditetapkan oleh pengkaji dalam pemilihan sampel kajian. Kajian ini secara keseluruhannya hanya melibatkan remaja yang sedang menghuni di pusat-pusat pemulihan akhlak manakala remaja-remaja lain seperti pelajar sekolah, penuntut universiti dan remaja lain tidak terlibat sebagai sampel kajian ini. Justeru, pemilihan sampel dalam kajian ini tidak dapat di generalisasi kan kepada keseluruhan golongan remaja yang mengalami masalah kesihatan mental.

Bagi pengumpulan data, kajian ini melibatkan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Proses pengumpulan data kuantitatif melibatkan pentadbiran ujian DASS-21 dan CD-RISC 25 yang berperanan sebagai alat ujian


saringan bagi mengenal pasti tahap kesihatan mental dan resilien remaja serta membantu pemilihan sampel bagi kajian ini. Alat ujian ini hanya berperanan sebagai alat ujian saringan dan ianya tidak menjelaskan ciri-ciri, tahap, dan masalah kesihatan mental serta resilien secara spesifik. Bagi pengumpulan data kualitatif pula, ianya melibatkan kaedah temu bual menerusi pentadbiran sesi kaunseling kelompok ke atas sampel kajian yang terpilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Sesi kaunseling kelompok dilaksanakan berpandukan kepada modul intervensi yang dibina. Oleh itu, pengumpulan data hanya terhad kepada sesi kaunseling kelompok dan modul intervensi sahaja yang mana ianya bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah modul intervensi memberi kesan terhadap resilien remaja. Ujian pengesahan modul yang dilakukan adalah hanya bertujuan untuk menguji modul dan bukanlah bertujuan mengkaji keberkesanan modul secara menyeluruh.

## **1.8 Kerangka Konsep**

Kerangka konsep adalah satu bentuk kerangka yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tuju kajian, dan peringkat-peringkat atau fasa-fasa yang dilaksanakan di dalam kajian (Kivunja, 2018; Mozzt, 1988). Kerangka konsep juga membantu pemahaman dan menghuraikan konsep-konsep yang penting di dalam sesuatu kajian. Berdasarkan rajah 1.0 di bawah, menunjukkan konsep kaunseling Islam dan konsep kaunseling Adler yang terpilih digunakan dalam membentuk modul intervensi. Konsep kaunseling Islam dan konsep kaunseling Individu Adler merupakan fokus pengkaji di dalam pembinaan modul ini. Terapi kaunseling Islam menumpukan kepada pembinaan spiritual dan kaunseling individu Adler akan menjurus kepada perkembangan individu. Konsep-konsep kaunseling Islam dan kaunseling Individu Adler terbaik yang dipilih berdasarkan analisis kandungan yang dilakukan ke atas sumber primer dan sekunder seperti Al-Quran dan kajian literatur seterusnya diuji kesahan kandungannya melalui pakar dan akhirnya Bagi menguji modul terhadap resilien remaja, maka kajian rintis dilakukan ke atas sekumpulan sampel yang dipilih berdasarkan ciri-ciri khusus yang ditetapkan oleh pengkaji. Modul intervensi yang telah melalui prosedur kesahan adalah merupakan pemboleh ubah bebas atau tidak

bersandar yang mana ianya akan mempengaruhi pemboleh ubah terikat atau bersandar di dalam kajian ini iaitu tahap resilien dalam kalangan remaja.


Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian



### 1.9 Kerangka Teoritikal

Selain daripada kerangka konseptual, kerangka teoritikal juga merupakan elemen penting di dalam sesuatu kajian. Kerangka teoritikal merupakan bentuk kerangka yang menerangkan perkaitan di antara pembolehubah kajian yang boleh diasaskan dari mana-mana teori yang menjadi panduan kepada kajian yang dilaksanakan (Kamarul Azmi, 2012). Oleh yang demikian, rajah di bawah menunjukkan kerangka teoritikal bagi kajian ini:-

Rajah 1.2 Kerangka Teoritikal Kajian



Berdasarkan kepada rajah 1.2 di atas, perkara utama yang diberikan tumpuan adalah komponen yang mempengaruhi pembentukan resilien individu. Oleh yang demikian, Teori Resilien Connor Davidson (2003) merupakan garis panduan dan rujukan kepada pengkaji bagi memahami dan menganalisis keperluan terhadap pembentukan resilien dalam diri individu. Teori Resilien Connor Davidson (2003) menekankan kepada lima komponen penting dalam membentuk resilien dalam diri individu iaitu ketabahan dan kecekapan kendiri yang melibatkan kompetensi personal di mana individu merasakan diri sebagai seorang yang mampu untuk mencapai tujuan walaupun berdepan dengan situasi kegagalan. Kedua adalah dari aspek kepercayaan terhadap naluri dan bertolak ansur dengan pengaruh positif. Komponen ini berhubung dengan ketenangan dalam melakukan sesuatu tindakan. Individu yang tenang cenderung untuk berhati-hati untuk membuat keputusan dan mengambil sesuatu tindakan dalam penyelesaian masalah.

Seterusnya adalah dari segi menerima perubahan dan keselamatan dalam perhubungan. Aspek ini merujuk kepada kemampuan individu untuk menerima apa sahaja cabaran yang wujud secara positif dan walaupun ketika berhadapan dengan masalah, individu tersebut masih mampu mengekalkan hubungan yang baik dengan orang lain. Selain itu adalah komponen kawalan iaitu meliputi kemampuan individu untuk mengawal diri dari segi pemikiran, tingkah laku dan emosi. Individu yang memiliki keupayaan untuk mengawal diri, cenderung untuk mendapatkan bantuan dari

pihak lain apabila berhadapan dengan konflik serta mampu mengelakkan diri dari terlibat dengan situasi yang memberi kesan buruk terhadap diri sendiri (Putri, 2015). Komponen terakhir adalah melibatkan pengaruh spiritual. Komponen ini berhubung dengan kemampuan individu untuk mewujudkan keyakinan dan kepercayaan terhadap Tuhan dan takdir. Menurut Connor & Davidson (2003), individu yang percaya kepada Tuhan akan menganggap masalah yang dihadapi adalah takdir dan harus melaluinya dengan positif.

Berdasarkan kepada teori resilien Connor Davidson (2003) ini jelas menunjukkan keupayaan individu membentuk kemampuan diri dari aspek kecekapan kendiri, kawalan, penyesuaian diri serta spiritualiti merupakan elemen yang penting terhadap pembentukan resilien. Melihat kepada kepentingan ini, maka penerokaan ke atas kaedah intervensi yang merangkumi aspek individu dan spiritual menjadi fokus utama di dalam kajian ini di mana elemen-elemen yang dinyatakan di dalam teori resiliensi Connor-Davidson (2003) ini dijadikan asas teoritikal kepada pembinaan modul. Selari dengan matlamat dan komponen yang diperlukan di dalam pembentukan resilien, maka pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling Adler merupakan kaedah pendekatan yang dilihat bertepatan dan memenuhi ciri-ciri yang diperlukan. Oleh itu, analisis yang terperinci di lakukan ke atas sumber-sumber primer dan sekunder untuk mengenal pasti konsep-konsep terbaik meliputi aspek individu dan islamik dilakukan. Konsep-konsep terbaik dari kedua-dua pendekatan digabungkan bagi membentuk modul intervensi bagi menangani isu resilien dalam kalangan remaja salah laku.

## **1.10 Definisi Konseptual Dan Operasional**

Definisi istilah bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas mengenai perkara-perkara yang difokuskan di dalam kajian ini. Ianya akan dibincangkan mengenai makna sesuatu konsep berdasarkan kepada kepentingan di dalam kajian ini. Antara istilah yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti mana berikut:-

### **1.10.1 Remaja**

Remaja merupakan golongan individu yang berusia di antara 11 hingga 21 tahun yang mana golongan ini berhadapan dengan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologikal, psikologikal, sosial dan ekonomi malahan zaman remaja merupakan tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku dari segi perkembangan fizikal, emosi dan kognitif (Azizi Yahya, 2011). Wan Sallha et al, (2010) menyatakan remaja adalah individu yang berumur 13 hingga 17 tahun yang mana pada tahap tersebut remaja mencapai transisi perkembangan yang lebih mendekati masa dewasa dan dikatakan mampu untuk memberi pendapat dan membuat keputusan sendiri. Berdasarkan Hall & Herlina (2013), masa remaja merupakan masa “taufan” dan “badai” yang mana masa penuh emosi dan adakalanya emosi meledak-ledak yang wujud daripada pertentangan nilai-nilai dalam kehidupan.

Istilah remaja memberikan pelbagai definisi yang berbeza mengikut pemahaman dan penilaian pengkaji. Oleh yang demikian, konsep remaja di dalam kajian ini adalah melibatkan individu yang tergolong di dalam lingkungan umur 13 hingga 19 tahun yang berada di dalam pusat pemulihan akhlak dan mereka yang berhadapan dengan isu salah laku. Hal ini adalah kerana mereka yang sedang berada di dalam pusat pemulihan sedang berjuang untuk mencari jalan mengubah diri mereka dan mencari identiti demi mencapai matlamat hidup yang lebih baik. Mereka juga adalah golongan yang lebih terdedah kepada cabaran dan isu kesihatan mental serta memerlukan sokongan moral yang lebih baik berbanding remaja yang lain.

### **1.10.2 Kaunseling Islam**

Kaunseling Islam ditakrifkan sebagai satu proses seorang kaunselor menolong individu atau individu-individu secara memberi bimbingan dan nasihat bagi membuat keputusan sendiri dalam mencapai matlamat berdasarkan kepada ajaran Al-Quran, hadis, sunah nabi dan ijmak ulama (Mohamad Sharif, 1998). Selain itu, kaunseling Islam didefinisikan sebagai satu proses menolong yang professional yang melibatkan aspek kejiwaan dan kerohanian yang membantu membimbing, membantu meleraikan

kekusutan dan memberi motivasi berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah (Hafiah Yusuf, 2013). Istilah kaunseling Islam di dalam kajian ini adalah merujuk kepada konsep-konsep atau terapi yang berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah yang digunakan dalam proses membantu individu mencapai ketenangan dan kekuatan spiritual dan membina kebolehan menyerap segala tekanan yang dihadapi. Kaunseling Islam di dalam kajian ini juga adalah merujuk kepada perhubungan menolong antara kaunselor dan klien yang mana peranan kaunselor menjadi mekanisme utama dari segi sikap, kemahiran dan pengetahuan malah sebagai sistem sokongan emosi, moral, pendengar dan sebagainya di samping amalan-amalan yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah dijadikan sebagai rujukan utama.

### **1.10.3 Kaunseling Adler**

Teori Kaunseling Adler (1912) merupakan bentuk terapi yang berkesan bagi menangani isu berkaitan dengan remaja kerana matlamat utama terapi ini sendiri bertujuan untuk mendidik klien, membantunya memperoleh nilai-nilai sesuai berdasarkan kepentingan sosial mereka dalam masyarakat di samping mengajar, memberi bimbingan dan memberi galakan kepada klien untuk berubah (Corey & Corey, 2011). Menurut Hamm, Carlson dan Tekinalp (2016), kaunseling individu adalah pendekatan psikologi bagi membantu klien membina kekuatan, nilai dan kesejahteraan diri dan seterusnya membantu klien membina strategi daya tindak dan membina kekuatan mental ketika berhadapan dengan masalah. Kajian yang menyeluruh berkenaan dengan individu dapat memberi pelbagai pendedahan dan pemahaman mengenai isu yang dihadapi oleh klien. Dalam kajian ini, konsep kaunseling Adler adalah konsep yang digunakan oleh seorang kaunselor untuk melihat minat sosial, gaya hidup dan pengalaman-pengalaman lepas yang dialami oleh remaja yang mana ianya memberi pengaruh kepada personaliti dan perubahan tingkah laku mereka. Teori kaunseling Adler juga dijadikan sebagai panduan di dalam kajian ini untuk melihat perkembangan remaja dan faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi mereka terlibat dalam isu kesihatan mental bahkan mencari alternatif bagi membantu mereka membina daya tahan yang baik. Memahami gugusan keluarga, urutan kelahiran, inferioriti dan superioriti, minat sosial serta pengalaman lepas merupakan

sumber utama bagi memahami perkembangan dan faktor yang menyebabkan remaja terdedah kepada isu-isu kesihatan mental.

Selain itu, di dalam kajian ini Teori Kaunseling Adler adalah merujuk kepada kaunseling kelompok. Kaunseling kelompok Adler merupakan kaedah intervensi yang melibatkan kaunselor sebagai fasilitator yang mencipta dan menggalakkan perkembangan suasana terapeutik dan sebagai model kepada ahli-ahli kelompok. Objektif utama kaunseling kelompok Adler adalah bagi memahami isu kesaksamaan, pendidikan ibu bapa, pengaruh susunan kelahiran, gaya hidup serta keseluruhan individu (Mohd Norahim & Muhammad Ajib, 2019). Menurut Corey (2012), kaunseling kelompok adalah pendekatan yang praktikal dalam membantu klien secara berkelompok kerana merupakan satu proses yang memberi manfaat kepada setiap individu di dalam kelompok dalam bentuk yang unik. Malahan membentuk dan merangsang perkembangan klien untuk rasa dihargai, penting, yakin dan memahami kepercayaan peribadi seseorang melalui strategi gaya hidup mereka (Mosak & Maniacci, 2011).

#### **1.10.4 Resilien**

Resilien adalah kemampuan untuk “bangkit kembali” dari pengalaman negatif yang mencerminkan pengaruh daripada individu atau merupakan pembelajaran dan pengalaman (Qudsiyah, 2013) manakala Irmohizam & Muhammad Hussin (2016) menyatakan resilien atau daya tahan adalah aspek yang meliputi keyakinan diri, disiplin diri, kemampuan diri, kawalan diri dan tekad diri. Konsep resilien di dalam kajian ini adalah merujuk kepada daya tahan atau kemampuan individu untuk menyerap segala tekanan dan cabaran yang hadir dari tekanan fizikal dan mental. Menurut Rassool (2016), daya tahan adalah melibatkan keupayaan individu untuk kembali positif dari segi tingkah laku dan pemikiran setelah berdepan dengan masalah. Sulimani-Aidan (2018), menyatakan bahawa daya tahan adalah kemahiran peribadi remaja, hubungan interpersonal, kebolehan untuk mendapatkan bantuan dan bimbingan daripada orang dewasa dan persepsi positif mereka berkaitan masa depan. Konsep resilien yang akan diketengahkan di dalam kajian ini adalah bagaimana remaja mampu mengawal tindakan, emosi dan pemikiran mereka ketika berhadapan dengan

tekanan masalah yang wujud dari persekitaran mereka dan mampu membentuk identiti diri dan mencari jalan penyelesaian yang akhirnya membolehkan mereka mencapai matlamat dan kesempurnaan diri. Resilien dalam konteks kajian ini adalah kebolehan remaja untuk membina keyakinan, kepercayaan, kekuatan dalam diri bagi mengharungi kehidupan yang lebih baik dan mampu untuk terus bersaing dalam masyarakat.

### **1.10.5 Modul Intervensi**

Pembinaan modul intervensi adalah salah satu dapatan kajian yang amat penting dalam mencari penemuan-penemuan baru khususnya di dalam intervensi. Wan Anor Sulaiman & Mohd Dahlan (2014) menyatakan bahawa modul adalah satu prosedur yang dibina berdasarkan penetapan matlamat kajian yang mana modul ini adalah langkah-langkah yang sistematik akan digunakan ke atas sampel terpilih. Modul intervensi di dalam kajian ini adalah merujuk kepada pembinaan satu proseduryang mengandungi konsep-konsep daripada kaunseling Islam dan konsep kaunseling Adler yang melalui proses kesahan dan diaplikasikan ke atas remaja bagi melihat kesanmodul terhadap tahap resilien remaja. Modul intervensi yang melibatkan beberapa peringkat intervensi dilaksanakan di dalam sesi kaunseling kelompok ke atas sampel. Beberapa sesi kaunseling telah terlibat selari dengan matlamat yang telah ditetapkan di dalam setiap peringkat intervensi dilaksanakan secara kondusif dan komprehensif.

### **1.10.6 Konsep**

Salah satu objektif kajian adalah bagi mengenal pasti konsep yang bersesuaian melalui analisis ke atas sumber primer dan sekunder. Konsep merupakan pengertian am, kepercayaan dan gagasan idea yang mendasari sesuatu perkara yang digunakan sebagai unit pengetahuan yang dibina menerusi unit lain yang bertindak sebagai ciri-ciri konsep (Wallis, 2020). Menurut Ravitch & Riggan, (2017) ciri-ciri ini merujuk kepada aspek atau elemen yang mempunyai maksud dan perkaitan yang sama dan digabungkan membentuk satu konsep. Konsep-konsep yang dikenal pasti haruslah berupaya untuk menjelaskan sesuatu gagasan idea dan mengandungi aspek yang dapat menerangkan makna dan kandungan sesuatu konsep tersebut Hawwin Mardhiana et al

(2019). Di dalam kajian ini, konsep merujuk kepada gagasan idea yang dibentuk berdasarkan kepada aspek atau elemen yang berjaya dikenal pasti melalui analisis kandungan ke atas Al-Quran dan kajian literatur. Konsep yang dibentuk hasil gabungan aspek ini akan bertindak sebagai gagasan idea utama yang mewakili aspek-aspek yang terlibat.

## **1.11 Kesimpulan**

Bab ini memberikan gambaran secara global mengenai maklumat kajian yang akan dilakukan. Senario semasa yang melibatkan masalah sosial yang wujud dari masalah kesihatan mental, peranan ibu bapa dan keperluan kaunselor telah dikupas di dalam pernyataan masalah manakala objektif kajian dan persoalan kajian telah dinyatakan dengan jelas agar fokus dapat diberikan kepada matlamat utama kajian ini. Bab ini juga menjelaskan fokuskan utama kajian ini adalah bagi pembinaan modul intervensi yang melibatkan gabungan kaunseling Islam dan teknik kaunseling Adler dalam meningkatkan resilien dalam kalangan remaja.

## RUJUKAN

- Abd Aziz. A. R., Zakaria. M.A., & Abd Razak. N. H. (2021). Faktor Pembentukan Kejelekatan dalam Pengendalian Sesi Kaunseling Kelompok. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 8, (page 69 - 79), 2021. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.976>
- Abd Kadir. F. A., Paad. N. S & Abd Ghapar. M. N. (2013). Salah Laku Remaja dan Asas Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*
- Abu Bakar Nordin. (1995). Penilaian afektif. Kajang: MASA Enterprise.
- Achmad Munib. (2017). Konsep Fitrah Dan Implikasinya Dalam Pendidikan. PROGRESS. Volume 5, No. 2, Desember 2017
- Afrizal Nur & Mukhlis Lubis. (2015). Konsep Wasathiyah dalam Al-Quran; (Studi Komparatif Antara Tafsir Al-Tahrîr Wa At-Tanwîr Dan Aisar At-Tafâsîr). Vol. 4 No. 2, 2015.
